

Bahasa Dijunjung, Guru Disanjung

Dr Mohamed Fatris Bin Bakaram



Ministry of Education
SINGAPORE



1. Pengertian dan Falsafah Bahasa dalam Budaya Melayu



Ministry of Education
SINGAPORE



Pengenalan

Sejarah bahasa manusia adalah setua sejarah kewujudan manusia itu sendiri.

Selepas Adam dicipta Allah, beliau diberi kemahiran untuk berbahasa dengan diajarkan kepadanya nama-nama kepada segala perkara, kemudian diperintah pula agar menyebut nama-nama itu di hadapan para malaikat.



Bahasa itu ialah alat komunikasi manusia untuk menyampaikan fikiran atau perasaannya melalui:

- simbol-simbol suara;
- tulisan;
- lukisan; dan
- isyarat-isyarat yang seumpamanya

dengan tujuan untuk dapat difahami oleh orang lain.

- Terdapat kaitan yang amat rapat antara pemikiran, perasaan, bahasa dan sikap manusia dengan pengaruh sekitarnya.
- Bahasa Melayu juga tidak terkecuali. Ia amat bersifat kultural dan berkait rapat dengan falsafah budi serta nilai naluri manusia yang murni, yang merupakan teras kepada budaya dan jati diri orang Melayu.

- Bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi untuk menyatakan pemikiran atau perasaan si penutur.
- Orang Melayu turut memahami bahasa sebagai proses menzahirkan nilai kebaikan yang ada dalam akal dan hati bukan sahaja melalui pertuturan, malah juga melalui perbuatan. Ini sehinggakan perlakuan yang mulia dan sopan diistilahkan sebagai 'budi bahasa'.

Definisi Bahasa

'Bahasa' menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat:

1. sebagai sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia (antara seorang individu dengan individu yang lain dsb): ~ *Melayu*; ~ *Tagalog*;
2. percakapan yang baik, tingkah laku yang baik, sopan santun; *kurang* ~ kurang sopan; *tidak tahu* ~ tidak sopan santun.



Bahasa dan Budi

- Peribahasa 'orang berbudi, kita berbahasa' tidak membawa maksud sekadar menuturkan bicara yang sopan sahaja sebagai tindak balas kepada kebaikan yang dilakukan orang terhadap diri kita.
- Sebaliknya, berbahasa di sini bermaksud membalas kebaikan dengan kebaikan juga melalui tindakan, pertuturan dan sikap.
- Begitu pula dengan frasa 'tidak tahu bahasa' atau 'tak reti bahasa'.



Di Alam Melayu (termasuk Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura) bahasa itu rapat hubungannya dengan tata tertib, sopan santun dan adat resam. Falsafah bahasa bagi orang-orang Melayu adalah kultural. Wacana dalam bahasa Melayu bukan sahaja membawa makna leksikal, bahkan banyak pula membawa makna kultural, sehingga apabila seseorang melafazkan wacana tidak tahu bahasa, frasa itu tidak semata-mata bermakna tidak tahu akan bahasa, tetapi ia membawa juga makna tidak tahu aturan; tidak tahu adat; tidak terpelajar; jahil; biadab atau kurang ajar.

(Pendeta Muhammad Ariff Ahmad)



Ministry of Education
SINGAPORE



Hubungan Akrab antara Bahasa dengan Budi

Kaitan yang amat rapat antara kedua pengertian tersebut mengisyaratkan beberapa kemungkinan:

a. Kemuliaan dalam keperibadian dan akhlak seorang manusia adalah sesuatu yang amat diutamakan oleh orang Melayu. Orang Melayu amat sensitif terhadap dualisme kesopanan, di mana nilai kebaikan dalam pertuturan dan perlakuan boleh dipisahkan, apatah lagi bertentangan.



b. Begitu sekali darjat yang sangat tinggi dan mulia diberikan orang Melayu kepada bahasa sehingga seolah-olah ia dianggap sebagai epitome nilai kebaikan yang pengertiannya merentas daerah komunikasi sesama manusia.



Ministry of Education
SINGAPORE



c. Tindak-tanduk seseorang dan sistem simbol yang digunakan sebagai alat perhubungan adalah aspek-aspek luaran dalam manusia bermasyarakat. Menjadikan 'bahasa' merujuk pada kewajaran di dalam komunikasi dan kewajaran di dalam tindak-tanduk menandai wujudnya satu faktor sepunya yang diambil berat oleh orang Melayu, iaitu nilai kemuliaan dalaman yang menjadi asas kepada maksud dan proses bahasa dalam kedua-dua pengertian tersebut. Itulah yang dinamakan budi.



Ministry of Education
SINGAPORE



2. **Tunggak Budi dalam Budaya dan Bahasa Melayu**



Ministry of Education
SINGAPORE



Definisi Budi

Terdapat empat definisi kepada kekata ‘budi’ di dalam Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, iaitu:

1. akal, kebijaksanaan;
2. perangai, akhlak, tingkah laku, kelakuan, watak;
3. sifat baik, perbuatan baik, kebajikan; dan
4. bicara, daya upaya.

Merungkai Gagasan Budi

- Agak ganjil untuk mengertikan budi sebagai akal dan kebijaksanaan, sedangkan ia dipasangkan dengan perkataan akal itu sendiri dalam frasa 'akal budi' untuk melambangkan kebijaksanaan pemiliknya di dalam berfikir.
- Begitu pula mengertikan budi sebagai hati, sedangkan ia turut dipasangkan dengan hati di dalam frasa 'hati budi' untuk menggambarkan kemuliaan seseorang di dalam mengendalikan perasaan serta pemikirannya sehingga membentuk jiwa yang murni.

- Budi adalah satu nilai dalaman manusia yang membawa maksud keindahan, kebaikan, kehalusan, kemuliaan, kemurnian, keaslian, ketulusan dan yang seumpamanya.
- Ia mencorak pemikiran, perasaan, keputusan dan tindak tanduknya, sama ada terhadap dirinya sendiri mahupun terhadap makhluk lain.

- Budi tidak hanya merujuk kepada akal ataupun hati secara neutral kerana kedua-duanya berpotensi menatijahkan kebaikan mahupun keburukan.
- Budi juga tidak hanya merujuk pada perbuatan baik kerana ia bersifat luaran, sedangkan ada perilaku yang baik tidak bersumberkan niat atau perasaan yang murni.

- Bila dipasangkan 'budi' dan 'hati' di dalam frasa 'hati budi', ia bermaksud hati - sebagai wadah perasaan dan naluri insan - yang indah dengan nilai-nilai kebaikan.
- Bila dipasangkan 'budi' dan 'akal' di dalam frasa 'akal budi', ia bermaksud keupayaan untuk berfikir secara wajar dan bijaksana sehingga mampu menghasilkan buah-buah fikiran yang kaya dengan kebaikan.
- Demikian juga pada pemadannya dengan kekata 'pekerti' dan 'bahasa' dalam frasa-frasa 'budi pekerti' dan 'budi bahasa'.

Budi: Pekerti, Bicara dan Bahasa

Mungkin ini menjadi asas kepada pembahagian Pendeta Muhammad Ariff Ahmad terhadap istilah budi kepada tiga, **iaitu budi pekerti, budi bicara dan budi bahasa**:

- **Budi pekerti** adalah perilaku seseorang untuk kebajikan dan manfaat bagi dirinya sendiri mahupun terhadap orang lain dan masyarakat.
- **Budi bicara** ialah daya usaha serta kebijaksanaan seseorang mewujudkan minda dan rasa (hati) yang baik dalam dirinya.
- **Budi bahasa** ialah perilaku yang merupakan manifestasi peribadi seseorang sebagai ukur tara nilai, maruah dan harga dirinya.

Budi Dalam Sanskrit

- Konsep budi telah sedia terpakai semenjak agama Buddha dan Hindu menjadi agama umum bangsa Melayu.
- 'Budi' berasal daripada kekata 'buddhi' di dalam bahasa Sanskrit yang bermaksud kecerdikan dan keupayaan untuk membentuk makna, berfikir, bertaakul, menilai, memahami, dan berfungsi untuk membezakan kebenaran daripada kepalsuan.
- Kata akarnya ialah 'budh' yang bermaksud sedar, berjaga, memerhati, mendengar, belajar dan hadir.

Budi Dalam Islam

- Falsafah buddhi ini terus menjadi nilai teras kepada jiwa dan budaya Melayu tetapi dengan pengolohan dan peluasan kepada konsep asalnya untuk sesuai dengan nilai-nilai Islam.
- Banyak ayat al-Qur'an memberi penekanan terhadap nilai kemurnian dan kebaikan pada dua fakulti tunggal dalaman manusia, iaitu hati dan akal.

- Pemurnian hati dan pembangunan akal dimestikan Islam untuk umatnya lakukan. Apapun yang dilakukan tiada nilai kebaikan jika tidak bertitik tolak dari niat yang ikhlas.
- Perbuatan mendabik dada dengan mengungkit-ungkit kebaikan yang telah dilakukan mengakibatkan nilai kemuliaannya hilang dan si pelaku itu kerugian ganjaran yang diharapkan daripada Allah.



- Begitu pula pelbagai sifat kemuliaan seperti kejujuran, kerendahan hati, kesetiaan, perasaan malu, kesabaran, keberanian, pengharapan, kewaspadaan dan sebagainya.
- Nilai-nilai buruk dalaman manusia pula, yang sering disebut sebagai penyakit-penyakit hati, perlu dijauhi. Kefahaman terhadap adab-adab hati ini berkembang menjadi satu gugusan bidang ilmu yang dinamakan Tasauf.
- Nilai kemurnian hati yang ditekankan Islam ini turut menjadi sebahagian penting daripada budaya Melayu, seiras dengan apa yang diistilahkan sebagai hati budi.

Gagasan Akal Budi

- Kedudukan akal juga dan mulia di dalam Islam. Ayat-ayat al-Quran yang pertama diturunkan menyebut istilah-istilah 'bacalah', 'mengajar' dan 'pena'. Diikuti ratusan ayat-ayat yang lain yang menyuruh manusia berfikir, merenung, memerhatikan, memahami, mengambil iktibar dan seterusnya.
- Memelihara akal adalah satu daripada lima matlamat asas kepada keseluruhan syariat Islam, yang dinamakan *Maqasid Shari'ah* (nyawa, agama, akal, harta dan keturunan).
- Nilai kemurnian yang diberikan Islam kepada akal dan pembangunannya turut menjadi di antara tunjang budaya Melayu sehingga terbit istilah akal budi.



Ministry of Education
SINGAPORE



- Terdapat sedikit perbezaan di antara penekanan dimensi budi dalam budaya Melayu pralislam dan apa yang diketengahkan sebahagian penulis kontemporari apabila nilai budi digarisbawahi dengan neraca Islam.
- Erti budi dalam falsafah Hindu lebih menjurus kepada dimensi akal dengan keupayaan berfikir untuk mengenali kebenaran daripada kepalsuan, atau akal budi. Sebahagian pendapat kontemporari pula cenderung untuk meletakkan hati budi di kedudukan yang lebih signifikan.

- Islam menekankan peri pentingnya kemurnian dan ketulusan hati dipelihara demi membentuk keperibadian yang mulia pada kedua-dua peringkat zahir dan batin. Hati umpama tuan atau raja yang mempengaruhi malah mengarahkan anggota tubuh yang lain untuk bertindak mengikut keinginannya.
- Hadis: Ketahuilah bahawa sesungguhnya di dalam tubuh ini ada segumpal darah. Jika ia baik, baiklah juga seluruh tubuh, dan jika ia rosak, rosaklah pula seluruh tubuh. Ketahuilah bahawa itulah hati.

- Walaupun hati dan akal merujuk kepada dua fakulti yang berbeza, Islam menekankan kesepaduan fungsi kedua-duanya yang tidak wajar terpisah dalam mencernakan kemuliaan dan kebaikan.
- Ayat al-Qur'an: Maka apakah tidak mereka berjalan di bumi agar mereka memiliki hati yang digunakan untuk berfikir, atau telinga yang mereka gunakan untuk mendengar. Sesungguhnya bukan pandangan mata yang menjadi buta, tetapi yang buta adalah hati yang berada di dalam dada.

- Berdasarkan konsep persenyawaan hati dan akal ini, maka kemuliaan naluriah manusia yang tercetus daripadanya itu adalah budi. Apabila wujud manifestasi kebaikan naluriah ini pada perlakuan, ia adalah **budi pekerti**. Jika terserlah pada akhlak, ia diistilahkan sebagai **budi bahasa**. Jika terpancar pada sesuatu pertimbangan, ia disebut **budi bicara**.
- Apabila ‘budi’ disebut secara tunggal, ia mencerminkan nilai kebaikan yang inheren dalam batin seorang manusia yang mewarnai seluruh proses pemikiran dan perasaannya, lalu mempengaruhi setiap aspek lahiriahnya: perbuatan, pertuturan, perhubungan, tingkah laku, pekerjaan, gaya hidup, akhlak, adat istiadat, dan sebagainya.

3. Islam dan Konsep Budi Melalui Bahasa



Ministry of Education
SINGAPORE



- Dalam Islam, proses berbahasa perlu lahir daripada hati dan akal yang kaya dengan nilai-nilai kemurnian dan kebaikan. Ayat-ayat al-Qur'an yang pertama diturunkan mengisyaratkan ketuanan bahasa melalui kalimat 'bacalah' dan frasa 'Tuhan mengajar dengan pena'.
- Elemen bahasa yang disentuh tidak hanya tertumpu kepada proses komunikasi, sama ada melalui pertuturan (baca) atau penulisan (pena). Sebaliknya ia terkait rapat dengan kesedaran akan kewujudan Tuhan (Bacalah dengan nama Tuhanmu Yang Menjadikan).

- Ia merangkumi, malah bermula, dengan proses pemerhatian dan pemikiran yang mendalam, kerana dalam ayat-ayat berkenaan disebut juga tentang asal kejadian manusia daripada air mani.
- Ini bertujuan mencetuskan kesedaran akan hakikat dirinya sebagai makhluk yang dicipta Tuhan, seterusnya membangunkan keimanan dan kepatuhan terhadap Tuhannya itu.

Ia juga bersifat futuristik dari dua sudut, iaitu:

- Pertama, perintah untuk membaca sebagai permulaan wahyu ditujukan kepada Nabi Muhammad yang tidak mahir membaca atau menulis. Begitu juga umum masyarakatnya sebagai golongan sasaran dakwah yang pertama.
- Kedua, anjuran untuk membaca itu dipadankan dengan pernyataan tentang asal ciptaan manusia daripada air mani yang bersifat tersangkut (*'alaq*), sedangkan ilmu mengenainya belum diketahui manusia dan tidak menjadi bahan renungan pada zaman itu.

- Islam meletakkan pertanggungjawaban yang besar atas setiap bicara manusia yang tidak terlepas daripada catatan malaikat. Ia malah bermula sebelum fikirannya diluahkan kerana apa yang dibisikkan hatinya atau fikirannya diketahui Tuhan.
- Ayat al-Qur'an: Dan sungguh telah Kami jadikan manusia dan Kami mengetahui apa yang dibisikkan hatinya, sedangkan Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya. Ketika dua malaikat mencatat, satu duduk di sebelah kanan dan satu lagi di sebelah kiri. Tidak ada satu ucapanpun yang diucapkannya melainkan ada bersamanya malaikat pengawas yang senantiasa bersedia.

- Walaupun dalam wahyu pertama sudah disebut tentang pena, terlalu sedikit teks agama yang berbicara tentang penulisan dan adab-adabnya, kerana penulisan tidak digunakan masyarakat Arab secara meluas pada zaman itu. Pertuturan adalah satu-satunya medium perhubungan yang digunakan umum masyarakat.
- Kerana itu, al-Qur'an menggunakan perkataan lisan atau lidah untuk merujuk kepada bahasa. Di antaranya ayat: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan kepelbagaian lidah-lidah (bahasa) kamu serta warna (kulit)mu. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat bukti-bukti untuk orang-orang yang mengetahui.



- Jelas bahawa berbahasa menurut Islam ada adab-adabnya yang berpusat pada kemuliaan naluriah manusia, berasaskan keimanan dan hati serta akal yang jernih (atau budi menurut falsafah orang Melayu).
- Ini, bagaimanapun, tidak menafikan bahawa adab-adab zahir dalam berbahasa turut diberi tumpuan oleh Islam. Terdapat banyak teks agama, al-Qur'an dan hadis, yang menggariskan dengan jelas bagaimana sewajarnya adab kesopanan dalam berkomunikasi dan berbicara.

Akhlak Nabi Muhammad apabila berbicara menjadi piawai teladan zaman-berzaman, seperti bercakap benar, pilihan perbendaharaan kata yang mulia dan terhormat, mengikut tatabahasa yang baku, susunan ayat yang indah dan sedap didengar, tidak menjatuhkan maruah atau menghina, lembut dan tidak kasar, penuh dengan nada kerendahan hati, tiada kata-kata celupar atau lucah, menyatupadukan bukan memecahbelahkan, menumbuhkan pengharapan, menyuburkan kesedaran, kaya dengan unsur-unsur kebijaksanaan, menatijahkan kesan baik kepada kehidupan dan keperibadian si pendengar, dan seterusnya.



Ministry of Education
SINGAPORE



Bahasa menurut Islam adalah anugerah yang disertakan dengan pertanggungjawaban.

Kemuliaan bahasa di dalam Islam merangkumi dimensi dalaman dan luaran, batin dan zahir, dan tidak boleh dipisahkan. Keindahan bahasa secara zahir tanpa kemuliaan di dalam hati dan akal adalah kemunafikan yang merendahkan martabat insan.

Demikian berbudi dalam berbahasa.



Ministry of Education
SINGAPORE



4. Bahasa Budi Bahasa Dijunjung



Ministry of Education
SINGAPORE



- Frasa 'bahasa jiwa bangsa' sering digunakan untuk membawa maksud bahawa bahasa adalah milik mutlak sesuatu bangsa yang menunjukkan jati dirinya.
- Ia mencerminkan penggunaannya bukan sekadar sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai alat perpaduan untuk saling memahami dan juga sebagai bahasa ilmu bangsa tersebut.
- Untuk maksud yang demikian, menyifatkan bahasa sebagai jiwa kepada bangsa adalah wajar dan tepat, kerana sepertimana seorang manusia tidak mampu hidup tanpa jiwa maka begitulah juga sesuatu bangsa tidak akan mampu terus wujud teguh jika bahasanya lumpuh dan runtuh.

Berbahasa Budi

- Selain itu, ia boleh diluaskan untuk memberi isyarat bahawa bagi orang Melayu, kemuliaan bangsa bukan sekadar diukur dengan keindahan atau ketepatan bahasa dalam komunikasi secara zahir, tetapi bahasa adalah cerminan telus akan hakikat budi yang membentuk jiwa dan budayanya.
- Bangsa Melayu adalah bangsa yang dengan sedar ingin terus menyuburkan jati dirinya sebagai bangsa yang berbudi bahasa dan berbahasa budi: **berbudi bahasa** dalam akhlak dan pekertinya, dan **berbahasa budi** dalam komunikasi dan pertuturannya.



Ministry of Education
SINGAPORE



Ciri-ciri Berbahasa Budi

Bahasa budi adalah bahasa yang memiliki ciri-ciri berikut:

Pertama: Ia bermula dengan fasa perbualan dalaman sebelum berpindah ke fasa peluahan maksud dalam bentuk suara atau lambang-lambang selainnya. Dialog dalaman ini berkisar kepada kewaspadaan akan kehadiran dan pengawasan Tuhan, serta pertanggungjawaban yang dipikulkan bagi setiap yang dituturkan.



Ministry of Education
SINGAPORE



Kedua: Ia didorong oleh keinginan naluri yang murni dan niat yang ikhlas untuk meraih keredaan Tuhan serta memperoleh kebaikan untuk diri sendiri dan orang lain. Ia melalui proses kebijaksanaan dalam berfikir dan mempertimbangkan yang baik untuk diluahkan serta bagaimana ia diluahkan, sehingga unsur keindahan dan kehalusan dalam ekspresi bahasa membentuk ciri yang konsisten kerana ia terpancar daripada sumber budi yang indah juga.



Ministry of Education
SINGAPORE



Ketiga: Ia dipengaruhi kesedaran bahawa setiap yang diluahkan mempunyai kesan kepada si penerima dengan mengambil kira kemungkinan corak tindak balas dan tindak lanjut si penerima terhadap apa yang diluahkan. Ini membawa kepada pengolahan kata-kata yang membangunkan rasa hormat diri si penerima, mencetuskan keinginannya untuk membalas kebaikan dengan kebaikan, membangkitkan rasa yakin diri untuk berani melangkah ke hadapan, meniup semangatnya untuk melaksanakan tanggungjawab dan menghulur keihsanan, menjernihkan kemahuannya untuk memperbaiki kesalahan yang telah dilakukan, dan yang seumpamanya.

Keunggulan Berbahasa Budi

- Berbahasa budi menyempurnakan ketinggian martabat bahasa Melayu yang akan dijunjung bangsa. Ia perlu bermula dengan meluhurkan budi penuturnya terlebih dahulu sebelum memperbetulkan penuturan kalimatnya mahupun memperhalusi nahunya.
- Ia akan menganjukkan persepsi terhadap bahasa daripada hanya alat komunikasi kepada martabatnya sebagai teras jiwa dan jati diri bangsa, terutama di tengah-tengah kekhuatiran bahawa bahasa Melayu tidak mampu bertahan dalam persaingannya dengan bahasa Inggeris yang semakin dianggap lebih relevan.



Ministry of Education
SINGAPORE



- Bahasa budi amat perlu untuk mempersiapkan anak-anak bangsa mengharungi cabaran-cabaran hari muka mereka, kerana ia merangkumi proses pengukuhan nilai, penjernihan hati, pemerkasaan minda, pembangunan ilmu, penguasaan emosi dan peneguhan jiwa.
- Ini adalah kemahiran-kemahiran kritikal yang tidak dapat tidak perlu dimiliki oleh mana-mana individu atau masyarakat untuk mampu berhadapan dengan segala jenis cabaran.

Oleh itu, jika Pendeta Muhammad Ariff Ahmad menegaskan bahawa bahasa Melayu *standard*, atau yang disebut sekarang sebagai bahasa Melayu baku, perlu mengandungi komponen kosa kata baku, ejaan baku, tatabahasa baku dan sebutan baku, saya pula mencadangkan agar ditambah satu lagi komponen, iaitu **naluri baku**, sehingga bahasa orang Melayu ini kekal anggun dan lestari sebagai bahasa budi.



Ministry of Education
SINGAPORE



5. Kedudukan dan Peranan Para Guru Bahasa Melayu



Ministry of Education
SINGAPORE



- Bidang-bidang ilmu yang diajar boleh dibahagikan secara umum kepada penyampaian maklumat, penajaman minda, pelatihan kemahiran, pembentukan keperibadian, dan pemurnian hati.
- Hari ini, pendidikan bahasa sering kali dilihat hanya sebagai proses pelatihan kemahiran agar pelajar-pelajar mahir menggunakan bahasa dengan berkesan di dalam komunikasi. Ini walaupun demikian, komponen pendidikan bahasa berkembang untuk merangkumi budaya, sejarah, pemikiran, sastera, adat warisan dan sebagainya, sesuai bagi peningkatan para pelajar ke tahap yang lebih tinggi dalam laluan persekolahan mereka.



Sebahagian anggota masyarakat memandang status guru-guru Bahasa Melayu lebih rendah berbanding guru-guru mata pelajaran yang lain. Ini mungkin kerana:

- Penggunaan bahasa Melayu semakin berkurangan dalam kehidupan mereka, atau
- Pengambilan kira markah tidak setara di antara subjek-subjek yang diuji untuk tujuan penilaian prestasi dan kelayakan pelajar, atau
- Sebahagian orang masih melihat pendidikan sebagai bersifat utilitarian untuk memenuhi keperluan ekonomi semata-mata.



Ministry of Education
SINGAPORE



- Tanggapan sedemikian tidak wajar dibiarkan kerana pendidikan Bahasa Melayu bukan sekadar satu pelatihan kemahiran. Ia adalah proses pembangunan kemahiran hidup untuk mengharungi cabaran.
- Nilai budi dalam bahasa membangkitkan keperibadian yang kaya dengan kemuliaan, hati yang teguh dengan ketabahan, jiwa yang penuh dengan aspirasi kebaikan, dan akal yang unggul dengan kebijaksanaan.
- Bangsa yang melakar perjalanan ilmu generasi mudanya semata-mata dalam bentuk timbal balik kepada desakan ekonomi adalah bangsa yang akan kehilangan arah.



Ministry of Education
SINGAPORE



- Kedudukan mulia para guru Bahasa Melayu perlu kekal mekar dalam kesedaran masyarakat. Para guru sendiri perlu turut meneruskan langkah memartabatkan bahasa Melayu tanpa jemu dan tanpa terkesan dengan tanggapan rendah yang mungkin masih dilontarkan sebahagian orang.
- Pacakkan budi dalam berbahasa, dan semai benih-benih budi dalam jiwa anak-anak bangsa. Mereka akan tumbuh segar sebagai pepohon bangsa yang kuat tunjangnya, teguh batangnya, redup dedaunnya, mekar kuntumnya, subur hasilnya.



Ministry of Education
SINGAPORE



Saat bangsa Melayu ini kehilangan budi daripada bahasanya, jiwanya dan jati dirinya, saat itu kelangsungan hayatnya akan menghampiri noktah terakhir di mana keseluruhan perjalanannya pasti habis terhenti.



Ministry of Education
SINGAPORE




Terima kasih



Ministry of Education
SINGAPORE



Sesi Tanya Jawab



Ministry of Education
SINGAPORE

